

PAS: Pemergian Azizi kehilangan besar kepada negara
Bernama
22 Ogos 2011
Oleh Syed Mu'az Syed Putra

KUALA LUMPUR, 22 Ogos — Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata pemergian novelis terkenal Allahyarham Azizi Abdullah ke rahmatullah semalam satu kehilangan besar kepada kepada negara dan bangsa termasuk PAS.

Presiden PAS itu berkata Azizi seorang individu yang berjasa besar kepada parti tersebut termasuk sebagai tokoh yang terlibat secara langsung dalam menggerakkan parti Islam itu di pelbagai peringkat.

Katanya, Azizi juga seorang tokoh penulis yang dekat dengan masyarakat melalui aktiviti penulisannya.

"Bagi pihak PAS, saya mengucapkan takziah kepada seluruh keluarga Allahyarham Azizi Abdullah di atas pemergian beliau ke rahmatullah.

"Kita berdoa kepada Allah SWT semoga beliau ditempatkan bersama orang-orang yang soleh dan mendapat keampunan Allah," katanya memetik Harakahdaily.

Azizi, 69, meninggal dunia di Hospital Pulau Pinang semalam setelah dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) di Hospital Pulau Pinang sejak 11 Ogos lepas.

Allahyarham dimasukkan ke hospital berkenaan pada Mac tahun ini dan menjalani pembedahan jantung bulan berikutnya.

Azizi, bekas guru Pendidikan Islam, terkenal dengan novel "Seorang Tua di Kaki Gunung" ketika naskhah itu dijadikan teks wajib sastera Tingkatan Lima kira-kira 20 tahun lepas.

Dalam pada itu, Ketua Dewan Pemuda PAS pusat Nasrudin Hassan berkata, pemergian Azizi amat dirasai terutamanya dalam dunia penulisan negara.

"Beliau bukan sahaja seorang novelis yang hebat tetapi juga seorang yang peka dan tajam pandangan penanya terhadap isu semasa yang melanda masyarakat," katanya.

Selain itu, jelas beliau, banyak hasil penulisan Azizi telah mengangkat namanya selaku novelis terkenal tanah air.

Kata Nasrudin, negara kehilangan sebutir permata yang bernilai dan berkualiti tinggi.

The Malaysian Insider

Hakcipta© 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-pemergian-azizi-kehilangan-besar-kepada-negara/>